

AKHBAR : ASTRO AWANI

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 10 MEI 2023

HARI : RABU

SENTIMEN : POSITIF



TERKINI VIDEO ENGLISH MALAYSIA DUNIA POLITIK HIBURAN BISNES SUKAN RANCA

Sinar Harian

Mei 10, 2023 16:28 MYT



Seramai 7,654 bayi yang lahir di Selangor pada tahun lepas hingga Mac lepas layak menerima manfaat itu. - Gambar hiasan

SHAH ALAM : Kerajaan negeri menawarkan tabungan RM100 setahun kepada bayi yang lahir di Selangor menerusi Iltizam Anak Selangor (Anas).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, seramai 7,654 bayi yang lahir di Selangor pada tahun lepas hingga Mac lepas layak menerima manfaat itu.

Menurutnya, Anas masih dibuka kepada lebih 20,000 bayi sehingga hujung tahun ini. "Tabungan RM100 setahun akan diberikan sehingga bayi berkenaan berumur lima tahun.

"Sumbangan ini dimasukkan ke dalam akaun **Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Prime** bagi membantu persediaan pendidikan, " katanya menerusi kenyataan di Facebook pada Rabu.

Ujar beliau, Bajet Selangor 2023 memperuntukkan RM3 juta untuk menjayakan Anas dengan sasaran 30,000 bayi menerima RM500.

Ujar beliau, bayi yang lahir di Selangor bermula 2022 dan menetap di negeri ini selain merupakan warganegara boleh memohon di [anas.yawas.com.my](https://www.anas.yawas.com.my) segera.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-selangor-ditawar-tabungan-rm100-setahun-418914>